

Kuala Lumpur: Selepas pelbagai peringatan dan peluang diberikan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan tegas terhadap penghutang tegar cukai taksiran dalam Operasi Sita ke atas 27 premis yang mempunyai hutang melebihi RM600,000.

DBKL dalam sayu kenyataan berkata, operasi itu dilakukan di sekitar kawasan Bandar Tun Razak pada Rabu lalu.

Menurutnya, pihaknya menyita barangan mengikut Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

“Jika masih gagal, langkah seterusnya adalah menahan dan menjual pegangan pihak terbabit (Seksyen 151). Semua kos operasi pula akan ditanggung oleh pemilik atau penyewa yang liat membayar hu-

“
Jangan susahkan diri sendiri, bertanggungjawab membayar cukai taksiran ini DBKL

MILIKI HUTANG CUKAI TAKSIRAN LEBIH RM600,000

DBKL sita barangan 27 premis penghutang tegar



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menjalankan Operasi Sita di sekitar kawasan Bandar Tun Razak.

tang.

“Jangan susahkan diri sendiri, bertanggungjawab membayar

cukai taksiran ini demi kebaikan bersama. Bila ditanggung makin banyak dan semakin membebankan,”

katanya.

Menurutnya, mereka yang terbabit turut diingatkan untuk mematuhi

pembayaran cukai taksiran dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang masih liat

melunaskan kewajipan itu selain menghargai usaha mereka yang patuhi membayar cukai berkenaan.